

SELF REGULATORY PERMIT

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA (JTKSM)

Pengenalan

Self Regulatory untuk permit-permit perburuhan di bawah Akta Kerja 1955 telah mula dikuatkuasakan secara pentadbiran mulai 21 Disember 2011 oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), bagi menggantikan pengeluaran sijil permit perburuhan di bawah Akta Kerja 1955.

Permit-permit yang terlibat di bawah Akta Kerja 1955 adalah seperti berikut:-

- i) Permit Membayar Gaji Lewat (Seksyen 19)
- ii) Permit Pendahuluan Gaji (Seksyen 22)
- iii) Permit Potongan Gaji (Seksyen 24)
- iv) Permit sekatan wanita Kerja Malam (Seksyen 34)
- v) Permit Mengumpul Cuti Rehat (Seksyen 59(1B))
- vi) Permit Kelonggaran waktu Kerja Biasa (Seksyen 60A(1A))
- vii) Permit Bekerja Melebihi Sekatan Kerja Lebih Masa (Seksyen 60A(4)(a))
- viii) Permit Kebenaran Waktu Kerja Syif (Seksyen 60C)
- ix) Permit Kelulusan Skim Bayaran Insentif (Seksyen 60I)

Laporan Inovasi

1. Tujuan projek inovasi

Self Regulatory ini diperkenalkan hasil daripada Mesyuarat Khas Inisiatif Semakan Semula Lesen Perniagaan di bawah *Program Focus Group On Business Process ReEngineering* (FGBPR) yang di pengurusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) pada 12 Julai 2011. Melalui mesyuarat tersebut,

jawatankuasa mesyuarat telah menetapkan proses pengeluaran sepuluh (10) permit perburuhan di bawah Akta Kerja 1955 dimansuhkan dan digantikan dengan peraturan-peraturan secara sendiri (*self-regulation*).

Selaras dengan keputusan di atas, JTKSM telah mengambil ketetapan secara pentadbiran untuk melaksanakan *self regulation* bagi menggantikan pengeluaran sijil permit perburuhan di bawah Akta Kerja 1955 pada 21 Disember 2011. Oleh yang demikian, sijil permit tidak akan lagi dikeluarkan, tetapi hanya surat maklumbalas yang mengandungi syarat-syarat pematuhan akan dikeluarkan kepada pemohon.

Pengenalan *self regulatory* ini dapat memudahkan stakeholder dan pelabur-pelabur menjalankan perniagaan di malaysia.

2. Proses Pelaksanaan Inovasi

Pemansuhan permit-permit perburuhan di bawah akta Kerja 1955 memerlukan pindaan dibuat ke atas kuasa Ketua Pengarah di bawah Akta Kerja 1955. Oleh yang demikian, sementara Jabatan memuktamadkan draf pindaan tersebut, *self regulatory* permit telah dikuatkuasakan secara pentadbiran.

Pengeluaran permit perburuhan tidak lagi dikeluarkan oleh JTKSM mulai 21 Disember 2011. Hanya surat maklumbalas kepada majikan dikeluarkan bagi memudahkan pentadbiran urusan tersebut. Majikan tidak lagi perlu untuk membuat permohonan kepada JTKSM. Majikan-majikan boleh terus melaksanakan kerja dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sebelum *self regulatory* ini dilaksanakan, majikan perlu membuat permohonan ke JTKSM dan mengisi borang-borang yang berkaitan dengan permohonan mereka. Majikan juga perlu menyertakan bersama borang , maklumat-maklumat yang lain

yang berkaitan dengan permohonan tersebut. Piagam pelanggan ditetapkan dimana permohonan majikan perlu diselesaikan dalam tempoh masa 1 bulan.

Pelaksanaan *self regulatory* ini pada 21 disember 2011 telah memudahkan majikan-majikan. Tiada borang yang perlu diisi. Ini menjimatkan masa majikan untuk melaksanakan kerja-kerja. Walaubagaimanapun, majikan perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JTKSM.

3. Proses Sebelum dan Selepas

Sebelum *self regulatory* dilaksanakan majikan perlu membuat permohonan dan mengisi borang-borang yang berkaitan kepada JTKSM.

Selepas pelaksanaan *self regulatory*, majikan tidak perlu membuat permohonan kepada JTKSM. Ini memudah dan mempercepatkan majikan melaksanakan kerja-kerja.

4. Impak Inovasi terhadap kumpulan sasaran/ perkhidmatan/ jabatan/ agensi / Negara

4.1 Elemen Inovatif / Kreativiti

Self regulatory permit merupakan elemen baru yang diperkenalkan untuk menggantikan proses permohonan permit oleh majikan-majikan di Malaysia.

Proses ini mempermudah:

- Permohonan permit di bawah Akta Kerja 1955
- Menjimatkan masa majikan untuk melaksanakan sesuatu kerja tanpa perlu menunggu kelulusan daripada JTKSM;

4.2 Elemen Keberkesanan

Keberkesanan pelaksanaan *self regulatory* juga dapat dilihat melalui beberapa pengiktirafan global kepada Negara. Antaranya adalah Malaysia telah diiktiraf oleh *World Bank* dalam laporan “*ease of doing business*” 2013 sebagai Negara ke 12 paling mesra perniagaan dalam tahun 2012 berbanding tangga ke 18 pada tahun 2011. Pengiktirafan yang diterima menunjukkan bahawa pelaksanaan *self regulatory* permit ini telah berjaya menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negara.

4.3 Elemen Signifikan

Pengenalan *self regulatory* ini juga bertujuan untuk memudahkan majikan-majikan atau pelabur-pelabur untuk menjalankan perniagaan di Malaysia tanpa perlu melalui banyak sekatan. Hasilnya Malaysia telah diiktiraf sebagai negara ke-10 bagi Destinasi Menarik Pelaburan Asing dalam Indeks Keyakinan Pelaburan Asing 2012 - Sumber Perunding Pengurusan Global

4.4 Elemen relevan

Pelaksanaan *self regulatory* ini memudahkan semua pihak. Walaubagaimanapun, JTKSM perlu meningkatkan tahap penguatkuasaan bagi memastikan tiada penyelewangan dilakukan majikan dengan kemudahan *self regulatory* ini.

5. Penutup

Secara keseluruhannya, *self regulatory* permit dilaksanakan bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada majikan-majikan dan pelabur-pelabur untuk menjalankan perniagaan di Malaysia.. Di samping itu, terdapat peningkatan positif dari segi pengurusan masa di setiap peringkat. Oleh itu, penguatkuasaan akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan tiada sebarang penindasan ke atas kebajikan pekerja dilakukan di atas kewujudan *self regulatory* ini.

Disediakan oleh :

Nama Pegawai : KHALIDAH EDAYU BINTI MOHAMAD KHALID
Bahagian Penguatkuasaan, JTKSM
Tel : 03 . 88711286
Emel : khedayu@mohr.gov.my

Tambahan :

Mengurangkan bebanan kerja pegawai. Lean sivil servant.

Penjimatan kos kepada pelanggan.

Penjimatan masa.